

FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

# TASAWUF MENURUT YUSUF AL-QARADHAWI

OLEH

PROF MADYA DR MOHD RUMAIZUDDIN GHAZALI

SALSILAH FIQH AL-SULUK MENURUT AL-QURAN DAN  
AL-SUNNAH. SIRI INI MEMPUNYAI LIMA BUAH SIRI .  
BUKU-BUKU TENTANG TASAWUF OLEH QARADHAWI :

Al-Hayat al-Rabbaniyah  
wa al-'Ilm (Kehidupan  
Rabbani dan Ilmu),

Al-Niyat wa al-Ikhlash  
(Niat dan Keikhlasan)

Al-Tawakkal  
(Bertawakal kepada  
Allah)

Al-Tawbah ila Allah  
(Taubat kepada Allah)

Al-Tawbah ila Allah  
(Taubat kepada Allah)



Terpengaruh dengan buku-buku Imam al-Ghazali terutama *Minhaj al-'Abidin dan Ihya' Ulumuddin*. Beliau mula membaca kedua-dua buku tersebut ketika berusia 15 tahun dan buku tersebut memberi kesan yang mendalam dalam jiwanya

Antara orang yang banyak mempengaruhi dari sudut kerohanian ialah al-Bahi al-Khuli, Hasan al-Banna, Muhammad al-Ghazali dan Abd Halim Mahmud.




Muhammad al-Ghazali menggesa umat Islam supaya memahami tasawuf secara betul.

Tasawuf itu ialah suatu ilmu yang banyak memelihara dan memupuk unsur-unsur keislaman yang murni tetapi yang menyedihkan sekarang ilmu tasawuf ini telah diresapi oleh anasir-anasir yang mungkar dan pemikiran-pemikiran asing yang bertentangan dengan ajaran Islam.




Perkara inilah yang menjadi sebab bagi kelumpuhan yang menimpa pemikiran umat Islam dalam berbagai-bagai bidang kehidupan.

Beliau juga memperjelaskan perlunya orang-orang Muslim berinteraksi dengan tasawuf dan fikah secara betul supaya memberi kesan kepada jiwa dan peningkatan sahsiah.




Para fuqaha sibuk dengan muamalat dan ibadat-ibadat yang zahir, manakala ahli pendidik (ahli tasawuf) sibuk dengan akhlak dan *tarbiyyah*. Pada hal banyak dari kalangan mereka (ahli fikah) ketandusan kerohanian dan semangat. Sementara itu, banyak pula yang ketandusan ilmu untuk dijadikan pegangan dan undang-undang (iaitu dari kalangan ahli tasawuf). Natijahnya timbul kegoncangan dan kemelut dalam pemikiran Islam.




Dari segi istilah al-Qaradawi menggunakan kalimah *Fiqh al-suluk* (Fiqh Tingkahlaku) dari kalimah tasawuf.

Yusuf al-Qaradawi menyebutkan bahawa golongan sufi pada zaman sahabat merupakan golongan yang sempurna dari segi pendidikan akal, kerohanian, jasad dan emosi.




Islam datang dengan membawa keseimbangan terbaik di antara kehidupan, kerohanian dan jasmaniah serta penggunaan akal. Agama menggambarkan manusia terdiri dari tiga unsur: roh, akal dan jasad.







Para tokoh sufi sangat berhati-hati dalam meniti jalan di atas garis yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan al-Sunah. Bersih dari berbagai fikiran dan amalan yang menyimpang, sama ada dalam ibadat atau fikirannya. Ramai yang memeluk Islam kerana pengaruh dan jasa mereka. Mereka telah mewariskan kepada dunia Islam, kekayaan peradaban dan ilmu, terutama di bidang makrifat, akhlak




Ahli-ahli sufi ini muncul pada ketika umat Islam dilanda masalah terpengaruh dengan keduniaan dan pola berfikir yang berasaskan kepada akal semata-mata.



Di samping itu, perkembangan ekonomi dan peningkatan pendapatan masyarakat mengakibatkan mereka terseret jauh dari apa yang dikehendaki oleh Islam yang sebenarnya.



Ada di antara orang-orang sufi itu yang terlampau mendalami tasawuf sehingga ada yang menyimpang dari jalan yang lurus dan mengamalkan teori diluar Islam.



Ramai dari golongan Ahli Sunnah dan ulama salaf yang menjalani tasawuf, sebagaimana diajarkan oleh al-Quran dan ramai pula yang berusaha meluruskan dan mempertimbangkannya dengan timbangan al-Qur'an dan al-Sunnah.

Yusuf al-Qaradawi berpendapat bahawa ilham dan kasyaf tidak boleh dijadikan hujah hukum syarak.

Menurutnya, umat islam tidak disuruh supaya mencari kasyaf. Umat Islam dituntut mencari ilmu.


# TUJUH KEHIDUPAN RABBANIYYAH

• Berasaskan tauhid kepada Allah iaitu keesaan kepada Allah yang mutlak.

2. *Itba'*: ia perlu berdasarkan kepada syariat Ilahi, bukan bentuk kerohanian berdasarkan kehendak sendiri dan melampau

3. Lengkap dan penyatuan: Kehidupan rabbaniah dalam Islam ialah menyatukan antara kehidupan kerohanian dengan kehidupan material

# TUJUH KEHIDUPAN RABBANIYYAH



4. Kesyinambungan:  
Ibadat-ibadat dalam  
Islam perlu dilakukan  
secara berterusan  
dalam setiap waktu

5. Kesederhanaan dan  
seimbang: Ia  
berasaskan kepada  
keseimbangan dan  
sederhana, tidak  
berlebih-lebihan  
dalam satu aspek

6. Mudah dan  
kelapangan dan tidak  
membebankan

7. Kepelbagaian dalam  
bentuk ibadat spt  
solat, zakat, puasa,  
haji dan zikir

# CINTA KEPADA ALLAH DAN ALLAH CINTA KEPADA MANUSIA

Perlunya beramal soleh untuk mengekalkan cinta Allah SWT kepada manusia. Tugas seorang manusia di muka bumi ini adalah untuk mempertahankan cinta Allah SWT yang melahirkan penghormatan dan kemuliaan kepada manusia dengan meningkatkan kepatuhan kepada perintah Allah SWT dan istiqamah daam mencari keredahaanNya.

Apabila seseorang itu menyakini adanya cinta Allah SWT kepadanya, maka semua musibah yang menyimpannya akan terasa ringan sebab ia menyakini adanya kenikmatan syurga setelah itu.

Antara tanda-tanda orang yang memperolehi cinta daripada Allah SWT dapat dilihat dari keimananya yang terus bertambah dari masa ke semasa dan kepatuhannya semakin meningkat dalam menjalankan syariat. Dia lebih sensitif terhadap larangan-larangan Allah SWT dan menjauhinya, memperbanyakkan zikir dan sentiasa merasa dirinya diawasi olehNya.

Bahawa roh manusia akan cenderung kepada yang dicintai yang paling indah iaitu Allah SWT sebab hubungan dan penyandaran antara roh dengan Allah SWT terus ada.

# CINTA KEPADA ALLAH DAN ALLAH CINTA KEPADA MANUSIA

Hubungan ini tidak dapat dilukis dengan kata-kata atau dibayangkan dengan imajinasi. Faktor yang menghalang manusia daripada perasaan luhur yang membawa roh dengan cinta dan kerinduan kepada Allah adalah naluri kebinatangan

Hakikat cinta manusia terdahulu kepada Allah SWT dan tidak ada yang dapat menghalangi daripada perasaan cinta itu kecuali hawa nafsu dan gejala kebinatangannya. Gejala ini boleh diredam dengan tazkiyah al-nafs atau pembersihan diri.

Oleh itu, orang yang berusaha membersihkan dirinya, maka jiwa akan bersih daripada kotoran hawa nafsu dan kemudian ia meningkatkan dengan amalan berzikir, beribadat dan menjauhi perkara-perkara dosa. Ketika itu akan lahir cinta baharu yang diusahakan di atas cinta lama terdahulu. Cinta baharu ini kian mendalam seiring meningkatnya proses pembersihan diri, pendekatan kepada Allah SWT dan rasa syukur kepada-Nya

Cinta yang tumbuh terhadap Allah SWT bersamaan dengan ketaatan, zikir dan merasa diawasi oleh Allah SWT. Di antara ayat al-Quran yang menceritakan cinta ini firman Allah SWT

وَالَّذِينَ آمَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ

*sedang orang-orang yang beriman itu lebih cinta kepada Allah. (Al-Quran. al-Baqarah:165)*



# CINTA KEPADA ALLAH DAPAT DIWUJUDKAN MELALUI:

## PERTAMA

Memperbanyak muraqabatullah (merasa diawasi oleh Allah SWT) dan berzikir.

## KEDUA

Menjaga diri secara semaksimalnya untuk menjauhi makanan haram kerana makanan haram akan menyebabkan pelakunya berperangai keras

## KETIGA

Duduk dalam majlis bersama-sama orang soleh, menjauhi tempat-tempat orang fasik dan tempat-tempat kemaksiatan

# BUAH DAN HASIL CINTA KEPADA ALLAH MELALUI

## PERTAMA

Sentiasa  
melaksanakan  
perintah Allah.

## KEDUA

Rindu untuk  
menemui-Nya

## KETIGA

Sentisa menyebut  
Nama-Nya (berzikir)

# KASIH SAYANG PENDAKWAH SESAMA MANUSIA:

- Pentingnya memiliki rasa cinta dan kasih bagi seorang pendakwah. Dengan adanya rasa cinta dan kasih sayang inilah yang akan melahirkan etika terhadap sesama hamba Allah, bahkan kepada seorang pelaku maksiat atau orang kafir sekalipun.
- Seorang pendakwah harus membezakan antara peribadi pelaku dan kemaksiatan. Kita diwajibkan untuk membenci perihal maksiat dan menghindarinya. Sementara itu, kita mesti menaruh simpati dan kasihan kepada pelaku maksiat lantaran ia lemah dan terjerat. Begitulah tuntunan Rasulullah SAW dalam hal perhubungan dengan sesama manusia sama ada muslim mahupun bukan muslim

## BUKU NIAT DAN IKHLAS:

- Yusuf al-Qaradawi memulakan dengan makna ikhlas yang merupakan amalan dalam hati malah ia merupakan mukadimah amalan hati kerana sesuatu amalan tidak diterima kecuali dengan keikhlasan.
- Ikhlas bermaksud melakukan sesuatu amalan kerana Allah dan bersih dari tujuan diri atau duniawi. Ia tidak campur amalan-amalan yang dilakukan dengan tujuan untuk mendapat habuan untuk dirinys, pangkat atau harta, kemegahan atau kedudukan di hati manusia atau pujian dari manusia. Asas ikhlas dalam beramal ialah semata-mata kerana Allah SWT. Oleh itu, keikhlasan merupakan natijah tauhid yang sebenar kepada Allah melalui pengibadatan

## BUKU NIAT DAN IKHLAS:

- Kesan niat dalam perkara mubah dan adat. Apabila seseorang itu berniat dalam perkara mubah dan adat akan menukarnya menjadi perkara ibadat. Seorang yang bekerja mencari rezeki di ladang atau kilang atau perniagaan atau pejabat dianggap sebagai ibadat dan jihad di jalan Allah sekiranya mencari rezeki yang halal dan menzahirkan nikmat Allah. Pekerjaan tersebut dilakukan dengan mematuhi ketaatan kepada Allah

# BUKU NIAT DAN IKHLAS:

## 1. KETENANGAN JIWA

Ikhlas memberikan ketenangan jiwa dan - kedamaian hati bagi pemiliknya Ikhlas memberi kekuatan kerohanian yang luar biasa

## 2. BERTERUSAN DALAM BERAMAL

Orang yang ikhlas dapat kekuatan untuk beramal secara terus menerus Memperoleh amal meskipun ia belum menyelesaikan atau belum mengerjakan.

# BUKU NIAT DAN IKHLAS: NATIJAH IKHLAS

## PERTAMA

Pertolongan dan bantuan dari Allah

## KEDUA

Memperoleh pahala amal meskipun ia belum menyelesaikan atau belum mengerjakan.

## KETIGA

Masyarakat dan lurusness kehidupan. Ikhlas yang dituntut Islam supaya perkara-perkara yang ada di dunia menjadi lurus dan benar

# BUKU NIAT DAN IKHLAS: FAKTOR YANG MEMBANTU



• Ilmu yg mendalam

2, Bersahabat dgn org  
yg Ikhlas

3. Membaca  
perjalanan hidup org  
yg Ikhlas

4. Berjuang melawan  
hawa nafsu,  
mujahadah





Antara tanda-tanda taubat diterima Allah ialah:

- Orang yang bertaubat itu keadaannya bertambah baik setelah bertaubat.
- Sentiasa merasai takut kepada Allah sehingga datangnya utusan mencabut nyawanya
- Hatinya sentiasa menyesal dan takut akan azab Allah



Orang yang bertaubat nasuha dengan menepati syarat-syarat akan mendapat:

- Dihapuskan kesalahan dan dimasukkan dalam syurga. Memperbaharui iman orang yang bertaubat. Maksiat dan dosa yang dilakukan oleh seseorang muslim akan merosakkan iman. Oleh itu, taubat nasuha yang sebenar dapat memperbaharui iman.
- Mengantikan kejahatan dengan kebaikan



Zuhud mempunyai pelbagai takrif. Zuhud merupakan amalan hati dan ia bukan dengan mengharamkan yang halal atau tidak memiliki harta sepertimana yang digambarkan oleh kebanyakan orang. Ibn Mubarak mengatakan zuhud sebagai apabila ia mendapat sesuatu perkara dunia, ia tidak gembira dan apabila ia kehilangan sesuatu perkara dunia, ia tidak bersedih. Manakala Sufian al-Thauri mengatakan zuhud sebagai pendek angan-angan tentang dunia

# RINTANGAN-RINTANGAN DALAM MENUJU JALAN ZUHUD SEPERTI BERIKUT:

Lalai. Manusia lupa  
dan lalai akan Allah  
yang telah  
menciptakannya

Panjang angan-angan.  
Ia hidup atas dunia ini  
seolah-olah ia akan  
kekal selama-lamanya

Penguasaan nilai  
kebendaan

Kehilangan contoh  
tauladan. Rasulullah  
SAW adalah contoh  
terbaik dalam zuhud



**TERIMA KASIH**